

MAHATHIR (BERNAMA EX)

1532
IPOH, 25 MARCH (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD HARI
INI MENEGOR +KALANGAN2 TERTENTU+ YANG TELAH MEMBUAT +FITNAH
YANG TIDAK BERASA+ TERHADAP-NYA.

DALAM SATU PERCHAKAPAN TALIPON, BELIAU BERKATA SALAH FAHAM
SA-UMPAMA ITU TELAH MENIMBULKAN KERAGUAN TERHADAP DIRI-NYA
DI-KALANGAN ANGGOTA2 UMNO YANG DI-MASOKI SEMULA OLEH
BELIAU BARU2 INI.

SEBAGAI CHONTOH, KATA-NYA, TONMAN2 TERTENTU TELAH DI-BUAT
TERHADAP-NYA SELAKU PENERUSI SHARIKAT AMANAH BELIA.

+SAYA HARAP MEREKA YANG MEMBUAT TONMAN2 ITU AKAN TAMPIL
MEMBUAT TU DOHAN SECHARA TERBUKA, JANGAN MEMBUAT FITNAH DI-
BELAKANG SAYA,+ KATA-NYA.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA PERANAN-NYA DI-DALAM UMNO AKAN
BERGANTONG KEPADA SOKONGAN YANG DI-TERIMA-NYA DARI ANGGOTA2
PARTI ITU. -- BERSAMBONG 1530/AZ

588:

MAHATHIR 2 IPOH

BELIAU MENAMBAH BAHAWA SEBAB UTAMA BELIAU MEMASOKI SEMULA
PARTI ITU IA-LAH ADA-NYA PERUBAHAN DALAM PEMIKIRAN DAN
DASAR2 DI-DALAM UMNO BARU2 INI.

SEKARANG INI ADA USAHA2 UNTUK MEMASOKKAN HASRAT RAAYAT KA-
DALAM DASAR2 KERAJAAN, KATA-NYA.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BERHARAP UNTUK MEMAINKAN
PERANAN YANG LEBEH BERERTI LAGI BERGUNA DI-DALAM PARTI.
KATA-NYA, IA TELAH DI-SALAH ANGGAP +SEBAGAI PELAMPAU+
DI-DALAM PARTI.

SEMENTARA ITU, SATU PERJUMPAAN UMNO DI-SINI HARI INI YANG
DR. MAHATHIR DI-JADUALKAN BERUCHAP TELAH DI-TUNDA
KEPADA 18 APRIL.

DR. MAHATHIR TIDAK DAPAT DATANG HARI INI KERANA KESEBOKAN-
NYA DI-KELINIK-NYA DI-ALOR SETAR. -- BERNAMA
1532/AZ